

**NO.SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7519**

**SOALAN:**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perjanjian apa yang ditandatangani sehingga mewajibkan Malaysia membekalkan maklumat siasatan penjenayah kepada FBI. Apakah asas untuk menghantar surat sokongan untuk Paul Phua Wei Seng di tengah-tengah siasatan FBI. Apakah yang dilakukan oleh Paul Phua Wei Seng untuk menjamin keselamatan negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebagai sebuah negara yang menentang sebarang bentuk jenayah, Malaysia telah menandatangani perjanjian untuk membanteras jenayah dengan pihak luar selagi ianya tidak menjejaskan keselamatan negara. Kementerian Dalam Negeri telah menghantar surat kepada FBI atas permohonan firma guaman yang mewakili Paul Phua untuk memberi penjelasan sepertimana yang diminta. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian tidak bercadang untuk mendedahkan apa-apa jua maklumat yang berkaitan dengan Paul Phua kerana ianya adalah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.**